



**PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI
SELANGOR TAHUN
2022**



**PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI
SELANGOR TAHUN
*2022***



PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SELANGOR
TAHUN 2022

DITERBITKAN DENGAN PERINTAH



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

PENYATA KEWANGAN NEGERI SELANGOR 2022

Penyata Kewangan Negeri Selangor disediakan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentangkan di Dewan Negeri Selangor mengikut kehendak Seksyen 16(2) Akta yang sama.

Penyediaan Penyata Kewangan Negeri Selangor adalah untuk menunjukkan kedudukan kewangan, aliran wang tunai dan prestasi kewangan. Penyata ini melaporkan urusan niaga kewangan berkaitan punca dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Dewan Negeri Selangor bagi tahun kewangan 2022.

Persembahan Penyata Kewangan Negeri Selangor adalah selaras dengan amalan terbaik bagi memudahkan pemahaman dan analisis oleh pengguna penyata kewangan. Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

PENGHARGAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR

Segala puji bagi Allah, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2022 terus mengekalkan Sijil Audit Tanpa Teguran (Bersih) pada 15 Ogos 2023. Kejayaan ini adalah petunjuk prestasi penting kepada bidang keberhasilan utama Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) sebagai entiti berprestasi tinggi dalam pengurusan dan pelaporan kewangan Kerajaan Negeri. PNS akan terus komited dalam mendukung prinsip akauntabiliti awam dan intergriti tahap tertinggi menerusi amalan terbaik pengurusan dan pelaporan kewangan Kerajaan Negeri. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dengan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2022 sehinggalah pengauditannya berjaya disempurnakan oleh Jabatan Audit Negara Negeri Selangor.

Tahun 2022 kekal mencabar selepas wabak Covid-19 melanda Negara pada tahun 2020 dan 2021. Bagi mendepani cabaran ini, PNS telah merumuskan strategi kutipan hasil yang efektif dan kawalan perbelanjaan yang berhemah bagi memastikan aliran tunai Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berupaya memenuhi tuntutan perbelanjaan bagi melaksanakan semua program yang telah dirancang Kerajaan Negeri dalam tahun 2022. Strategi ini telah menyumbang secara signifikan kepada peningkatan dalam kutipan hasil Negeri sebanyak RM2,533.83 juta, melepasi angka sasaran sebanyak RM2,050.00 juta manakala jumlah agregat perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan telah merekodkan angka sebanyak RM2,416.50 juta. Prestasi kewangan yang memberangsangkan ini telah memberikan lebih kewangan kepada Kerajaan Negeri sebanyak RM117.33 juta.


Bagi mendepani cabaran tahun 2023, PNS akan terus memainkan peranannya dalam memastikan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri sentiasa kukuh dan berdaya tahan demi pembangunan dan kesejahteraan rakyat Negeri Selangor secara keseluruhannya.

DR. AHMAD FADZLI BIN AHMAD TAJUDDIN

S.M.S, P.C.M, A.M.P

Pegawai Kewangan Negeri Selangor

GAMBARAN KESELURUHAN PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2022



KANDUNGAN

	Muka Surat
PENYATA KEWANGAN NEGERI SELANGOR 2022	iii
PENGHARGAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR	v
GAMBARAN KESELURUHAN PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2022	vi
LAPORAN BENDAHARI NEGERI	xi
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022	xxv
PENYATA KEWANGAN	
Glosari Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2022	3
Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Selangor dan Bendahari Negeri Selangor	5
Penyata Kedudukan Kewangan	6
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	7
Penyata Prestasi Kewangan	8
Penyata Akaun Memorandum	9
Nota kepada Penyata Kewangan	10
LAMPIRAN KEPADA NOTA	
LAMPIRAN	
Lampiran 1 Penyata Perbelanjaan Mengurus	39
Lampiran 2 Penyata Perbelanjaan Pembangunan	47
Lampiran 3 Penyata Perbelanjaan Pembangunan Hutan	51
Lampiran 4 Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	55
Lampiran 5 Penyata Akaun Memorandum Pelaburan	67
Lampiran 6 Penyata Akaun Memorandum Liabiliti	71

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

GAMBARAN KESELURUHAN PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2022

PENDAHULUAN

Tahun 2022 kekal mencabar walaupun tahun ini merupakan tahun pemulihan daripada wabak COVID-19 dan tragedi banjir besar yang berlaku di Negeri Selangor pada Tahun 2021. Perbendaharaan Negeri Selangor meneruskan komitmen untuk memastikan pengurusan dan pelaporan kewangan awam Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berada pada tahap cemerlang. Komitmen ini telah diterjemahkan dalam bentuk kecekapan sistem penyampaian awam dan pelaksanaan strategi perbelanjaan yang berkesan bagi memastikan objektif dan keberhasilan semua program Kerajaan Negeri Selangor dapat direalisasikan.

Selaras dengan keperluan mematuhi akauntabiliti awam berdasarkan Perlembagaan Persekutuan 1957 dan Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Laporan Bendahari Negeri Selangor ini akan membentangkan maklumat prestasi dan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2022, yang bersumberkan data-data kuantitatif kewangan daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun

2022 yang telah diaudit oleh Ketua Audit Negara.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor mengandungi tiga akaun utama mengikut kehendak Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selain itu, ia turut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Nota Kepada Penyata Kewangan merupakan penjelasan lanjut maklumat kewangan yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan.

PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN


Belanjawan Tahun 2022 yang telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Selangor pada 26 November 2021, memperuntukkan sebanyak RM1,220.00 juta bagi Perbelanjaan Mengurus manakala sejumlah RM1,123.00 juta pula telah diperuntukkan bagi Perbelanjaan Pembangunan. Sejumlah RM186.00 juta lagi peruntukan tambahan telah diluluskan oleh

Dewan pada 14 Mac 2022 yang menjadikan Perbelanjaan Mengurus bagi Tahun 2022 adalah berjumlah RM1,406.00 juta. **Carta 1** menunjukkan angka belanjawan dan perbelanjaan sebenar bagi Peruntukan Mengurus dan Pembangunan Negeri Selangor Tahun 2022.

Sehingga 31 Disember 2022, prestasi keseluruhan bagi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan adalah berjumlah RM2,416.50 juta, atau 95.55% daripada Belanjawan Tahun 2022 berjumlah RM2,529.00 juta. Secara spesifiknya, Prestasi Perbelanjaan Mengurus merekodkan perbelanjaan berjumlah RM1,390.89 juta manakala Perbelanjaan Pembangunan pula berjumlah RM1,025.61 juta. **(Rujuk muka surat 8)**

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Bekalan. Prestasi Perbelanjaan Tanggungan merekodkan perbelanjaan berjumlah RM86.37 juta, atau 94.64% daripada jumlah peruntukan sebanyak RM91.26 juta. Prestasi Perbelanjaan Bekalan pula merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1,304.52 juta (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan), atau 99.22% daripada peruntukan berjumlah RM1,314.74 juta. Ini bermakna prestasi Perbelanjaan Mengurus secara keseluruhannya adalah berjumlah RM1,390.89 juta atau 98.93% daripada jumlah peruntukan Mengurus sebanyak RM1,406.00 juta. **(Rujuk muka surat 17 - 18)**

Prestasi Perbelanjaan Pembangunan pula merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1,025.61 juta atau 91.33% daripada jumlah peruntukan Pembangunan sebanyak RM1,123.00 juta yang dibiayai secara langsung tanpa melibatkan Pinjaman Persekutuan. **(Rujuk muka surat 8)**




PRESTASI KEWANGAN MELALUI KUTIPAN HASIL NEGERI DAN PERBELANJAAN.

Meskipun mencabar, kutipan hasil Negeri pada Tahun 2022 telah berupaya merekodkan angka kutipan yang melebihi sasaran iaitu berjumlah RM2,533.83 juta berbanding angka sasaran yang telah dunjurkan dalam Belanjawan Tahun 2022 sebanyak RM2,050.00 juta. Pencapaian ini merekodkan lebihan kutipan sebanyak RM483.83 juta atau 23.60%. Prestasi kutipan hasil Negeri yang memberangsangkan dan pelaksanaan strategi kawalan perbelanjaan yang berhemah telah menyumbang secara

signifikan kepada lebih kewangan berjumlah RM117.33 juta berbanding defisit yang diunjurkan dalam Belanjawan 2022 sebanyak RM479.00 juta. (Rujuk muka surat 8)


Carta 2 menunjukkan rekod Prestasi Kutipan Hasil dan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi Tahun 2018 hingga 2022 untuk perbandingan.



KEDUDUKAN KEWANGAN BERDASARKAN WANG TUNAI DAN PELABURAN

Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Selangor dalam Tahun 2022 menjelaskan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi maksud ketiga-tiga akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. **Carta 3** menunjukkan perbandingan rekod bagi

Kumpulan Wang Disatukan untuk Tahun 2018 hingga 2022.




WANG AWAM

Wang Tunai


Kedudukan Wang Tunai Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2022 adalah berjumlah RM320.35 juta yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Tangan berjumlah RM0.08 juta, Wang Tunai Dalam Perjalanan berjumlah RM0.04 juta dan Wang Tunai Dalam Bank berjumlah RM320.23 juta (termasuk Akaun Semasa sebanyak RM60.23 juta dan Deposit Jangka Pendek kurang tiga bulan sebanyak RM260.00 juta). (Rujuk muka surat 12)

Carta 4 menunjukkan secara grafik kedudukan Wang Tunai pada 31 Disember 2022.

CARTA 4
WANG TUNAI BAGI TAHUN 2022 (RM JUTA)



CARTA 5 :
KEDUDUKAN PELABURAN NEGERI SELANGOR
TAHUN 2018 HINGGA 2022 (RM JUTA)



Pelaburan

Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2022 adalah berjumlah RM2,761.82 juta telah meningkat sebanyak RM53.99 juta berbanding RM2,707.83 juta pada 31 Disember 2021. Deposit Dalam Negeri berbentuk simpanan tetap melebihi tempoh tiga bulan merupakan komponen terbesar di dalam Pelaburan. Maklumat terperinci mengenai pelaburan ini boleh dirujuk kepada Nota 4 dalam Penyata Kewangan. Selain daripada simpanan tetap, Kerajaan Negeri Selangor juga membuat pelaburan dalam bentuk ekuiti/sukuk melalui Tabung Warisan Negeri Selangor, Tabung Amanah Bencana Alam dan Tabung Amanah Warisan Anak Selangor yang ditubuhkan di bawah enakmen masing-masing. **(Rujuk muka surat 13)**


Carta 5 menunjukkan perbandingan rekod pelaburan Kerajaan Negeri Selangor dari Tahun 2018 hingga 2022.

KUMPULAN WANG DISATUKAN NEGERI


AKAUN HASIL DISATUKAN

Sehingga 31 Disember 2022, baki akhir Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri Selangor adalah berjumlah RM771.32 juta. Angka ini menunjukkan kenaikan sebanyak 21.71% berbanding tahun sebelumnya pada Tahun 2021 yang berjumlah RM633.76 juta. **(Rujuk muka surat 14)**

Carta 6 menunjukkan perbandingan rekod kedudukan Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri Selangor dari Tahun 2018 hingga 2022.



Carta 7 menunjukkan pecahan jenis hasil pada Tahun 2022.





Prestasi Kutipan Hasil

Kerajaan Negeri Selangor telah merekodkan prestasi keseluruhan kutipan hasil pada Tahun 2022 sebanyak RM2,533.83 juta yang disumbangkan oleh Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Angka kutipan ini merupakan peningkatan sebanyak 23.60% daripada angka yang diunjurkan dalam belanjawan pada Tahun 2022. Berbanding dengan Tahun 2021, ia merupakan peningkatan sebanyak 10.93% atau RM249.73 juta. Angka kutipan hasil yang direkodkan pada Tahun 2021 adalah berjumlah RM2,284.10 juta.

Daripada jumlah kutipan hasil sebanyak RM2,533.83 juta, Hasil Cukai berjumlah RM722.50 juta, Hasil Bukan Cukai berjumlah RM1,543.18 juta dan Terimaan Bukan Hasil pula berjumlah RM268.15 juta. (Rujuk muka surat 15)

Manakala, **Carta 8** dan **Carta 9** pula menunjukkan rekod prestasi kutipan hasil Kerajaan Negeri Selangor bagi Tahun 2018 hingga 2022.






Perbelanjaan Mengurus


Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Selangor terdiri daripada perbelanjaan untuk Emolumen, perbelanjaan untuk Perkhidmatan dan Bekalan, pembelian Aset, Pemberian Dan Kenaan Tetap dan Perbelanjaan Lain. Perbelanjaan untuk Perkhidmatan Dan Bekalan merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi sebanyak RM507.26 juta. Perbelanjaan kedua tertinggi pula ialah Emolumen yang telah merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM482.74 juta. Seterusnya, diikuti oleh perbelanjaan melibatkan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM367.83 juta. Perbelanjaan Lain dan perbelanjaan untuk Aset masing-masing sebanyak RM21.23 juta dan RM11.83 juta. **(Rujuk muka surat 14)**

Carta 10 menunjukkan pecahan perbelanjaan mengurus pada Tahun 2022.

**CARTA 10
PECAHAN BELANJA MENGURUS NEGERI SELANGOR
TAHUN 2022 (RM JUTA)**



Carta 11 pula menunjukkan perbandingan rekod prestasi perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Selangor bagi Tahun 2018 hingga 2022.



AKAUN PINJAMAN DISATUKAN


Akaun Pinjaman Disatukan memperakaunkan semua pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor daripada Kerajaan Persekutuan dan pembayaran yang berkaitan. Nota 6 dalam Penyata Kewangan Tahun 2022 menunjukkan Akaun Pinjaman Disatukan Kerajaan Negeri yang berbaki sifar. **(Rujuk muka surat 19)**

AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Pada 31 Disember 2022, Akaun Amanah Disatukan telah merekodkan baki berjumlah RM2,310.85 juta, sedikit peningkatan berbanding RM2,170.05 juta yang direkodkan pada Tahun 2021. **(Rujuk muka surat 20)**

Carta 12 menunjukkan perbandingan rekod baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Deposit untuk Tahun 2021 dan 2022.

CARTA 12
AKAUN AMANAH DISATUKAN BAGI TAHUN 2021 DAN 2022



Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan Negeri Selangor dan lain-lain berdasarkan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Ia boleh dikategorikan seperti berikut:


- Kumpulan Wang Pembangunan;
- Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan;
- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan; dan
- Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

Perbelanjaan Pembangunan - Kumpulan Wang Pembangunan

Perbelanjaan Pembangunan Negeri Selangor dibiayai melalui Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM999.32 juta dan Terimaan daripada Persekutuan berkaitan Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup berjumlah RM19.62 juta. Ini

menjadikan jumlah keseluruhan Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan sehingga 31 Disember 2022 berjumlah RM1,018.94 juta. Daripada jumlah ini, RM1,019.54 juta telah dibelanjakan. **(Rujuk muka surat 22)**

Carta 13 menunjukkan perbandingan rekod perbelanjaan Pembangunan Negeri Selangor bagi Tahun 2018 hingga 2022.



Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Negeri ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 dan pengendaliannya adalah berdasarkan Surat Ikatan Amanah Kumpulan Wang Pinjaman bagi mengakaunkan semua terimaan dan bayaran berkaitan dengan kemudahan pinjaman perumahan kepada kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri dan Ahli Dewan Negeri. Pada 31 Disember 2022, baki Kumpulan Wang Pinjaman ini adalah

berjumlah RM9.73 juta berbanding RM2.38 juta pada 31 Disember 2021. Peningkatan baki kumpulan wang ini adalah disebabkan oleh tambahan siling peruntukan pinjaman perumahan berjumlah RM20.00 juta bagi membiayai kelulusan pinjaman perumahan yang meningkat pada Tahun 2022. Jumlah nilai pinjaman perumahan yang diluluskan pada Tahun 2022 adalah sebanyak RM31.25 juta dengan 108 peminjam. **(Rujuk muka surat 23)**

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan (Akaun Stor dan Kerja Tak Beruntuk dan *Worksyop*; dan Akaun *Worksyop* Jabatan Kerja Raya), Akaun Pinjaman selain Perumahan, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Akaun Pelbagai Kumpulan Wang. Kumpulan Wang ini merekodkan baki sebanyak RM1,138.56 juta dalam Tahun 2022 berbanding RM1,099.31 juta dalam Tahun 2021. Nota 7 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2022 menjelaskan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ini. **(Rujuk muka surat 28)**

Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

Kumpulan Wang Pembangunan Hutan merupakan Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Enakmen Kerajaan Negeri Selangor, Selangor Enakmen No.5

Tahun 1985. Kumpulan Wang ini telah mencatatkan peningkatan kepada RM31.98 juta dalam Tahun 2022 berbanding RM28.93 juta dalam Tahun 2021. Pada Tahun 2022, perbelanjaan Pembangunan Hutan berjumlah RM6.07 juta dibiayai daripada Akaun Hasil Disatukan. **(Rujuk muka surat 29)**

Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] untuk mengakaunkan terimaan dan bayaran wang amanah Kerajaan Negeri. Kumpulan Wang Amanah Awam merekodkan baki berjumlah RM391.17 juta pada Tahun 2022 berbanding RM360.31 juta pada Tahun 2021. **(Rujuk muka surat 30 - 31)**

Deposit

Deposit Kerajaan Negeri Selangor terdiri daripada Deposit Am dan Khusus serta Deposit Pelarasan. Deposit Am dan Khusus adalah deposit wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah dicapai. Deposit Pelarasan pula adalah akaun sementara untuk tujuan pelarasan kepada akaun tertentu. Pada Tahun 2022, Akaun Deposit merekodkan baki akhir berjumlah RM640.00 juta berbanding RM579.12 juta pada Tahun 2021. **(Rujuk muka surat 32)**

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Aliran tunai Kerajaan Negeri Selangor pada Tahun 2022 merekodkan urusan terimaan tunai berjumlah RM16,332.10 juta manakala urusan bayaran tunai pula berjumlah RM16,107.73 juta.

Secara spesifiknya, urusan terimaan tunai melibatkan terimaan hasil sebanyak RM2,533.83 juta, pelbagai terimaan modal sebanyak RM22.67 juta dan terimaan amanah sebanyak RM13,775.60 juta.

Urusniaga bayaran tunai pula melibatkan bayaran Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM1,384.25 juta, bayaran Perbelanjaan Pembangunan sebanyak RM1,025.61 juta, pembayaran berkaitan pembelian instrumen kewangan berjumlah RM53.99 juta, bayaran Pinjaman Dalam Negeri berjumlah RM6.64 juta dan bayaran melibatkan Akaun Amanah berjumlah RM13,637.24 juta. Baki akhir wang tunai pada 31 Disember 2022 mengambil kira jumlah terimaan dan bayaran sebanyak RM320.35 juta. **(Rujuk muka surat 7)**

PENYATA AKAUN MEMORANDUM ASET

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan aset-aset kewangan dan liabiliti Kerajaan Negeri Selangor yang tidak dilaporkan di dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang menggunakan asas perakaunan tunai

ubahsuai. Penyata ini menggunakan format Piawaian Perakaunan Kerajaan 8 (PPK 8) dalam membuat pendedahan berkaitan maklumat ini.

Memorandum Aset terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan dalam bentuk pegangan ekuiti dalam anak-anak syarikat Kerajaan Negeri.

Pinjaman Boleh Dituntut


Kerajaan Negeri Selangor turut menawarkan pinjaman kepada anak syarikat/agensi Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan melalui Kumpulan Wang Pinjaman kepada Badan-Badan Berkanun dan Badan lain. Baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan melalui akaun amanah ini sehingga 31 Disember 2022 adalah berjumlah RM993.05 juta berbanding RM988.26 juta pada 31 Disember 2021. **(Rujuk muka surat 9)**

Pelaburan

Pelaburan Kerajaan Negeri adalah dalam bentuk pegangan ekuiti dalam anak-anak syarikat yang merekodkan jumlah nilai buku pelaburan sebanyak RM413.75 juta pada 31 Disember 2022. **(Rujuk muka surat 9)**

Carta 14 menunjukkan perbandingan kedudukan Akaun Memorandum Aset berkaitan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan bagi Tahun 2018 hingga 2022.

**CARTA 14 :
KEDUDUKAN AKAUN MEMORANDUM ASET
NEGERI SELANGOR
TAHUN 2018 HINGGA 2022**




PENYATA AKAUN MEMORANDUM LIABILITI

Memorandum Liabiliti yang dilaporkan bersekali dengan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor menunjukkan masih terdapat baki belum selesai melibatkan pengambilalihan pinjaman Kerajaan Negeri Selangor oleh Pengurusan Aset Air Berhad di bawah skim penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air berjumlah RM17.31 juta. Baki jumlah pinjaman ini akan dimuktamadkan pengambilalihannya oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan Pengurusan Aset Air Berhad dalam dokumen perjanjian pinjaman yang akan dimuktamadkan dalam Tahun 2023 ini.

Selain itu, penyata akaun Memorandum Liabiliti turut menjelaskan baki hutang berkaitan pinjaman Amanah Saham Selangor berjumlah RM3.57 juta dan baki hutang pinjaman berkaitan pembiayaan Projek

Perluasan Zon Perindustrian Sg Way Petaling Jaya berjumlah RM4.56 juta. Ini menjadikan jumlah keseluruhan Hutang Awam Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM25.45 juta pada 31 Disember 2022. **(Rujuk muka surat 35)**

Carta 15 menunjukkan pecahan hutang awam Kerajaan Negeri Selangor pada Tahun 2022.



PENUTUP

Sebagai kesimpulannya, Prestasi dan Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2022 adalah kukuh dan dijangka akan terus kekal kukuh pada Tahun 2023.

Tahun 2023 dijangka kekal mencabar dengan tekanan inflasi, kenaikan dalam indeks harga pengguna dan kadar upah industri yang masih lagi rendah. Perbendaharaan Negeri

Selangor akan terus melaksanakan kawalan perbelanjaan strategik dan berhemah bagi memastikan semua obligasi Kerajaan Negeri dapat dipenuhi dan Akauntabiliti Kerajaan Negeri terus terpelihara berdasarkan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan Perlembagaan Persekutuan 1957.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Kerajaan Negeri Selangor dan Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 6 hingga 36.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financing Reporting under the Cash Basis of Accounting).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Selangor dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financing Reporting under the Cash Basis of Accounting). Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Selangor untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.


Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Selangor;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Selangor sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Pegawai Kewangan Negeri telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini disediakan selaras dengan Fasal(1) Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA


PUTRAJAYA
15 OGOS 2023



PENYATA KEWANGAN



GLOSARI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR 2022



PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR DAN BENDAHARI NEGERI SELANGOR

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2022 dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2022.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2022.



YB DR. AHMAD FADZLI BIN AHMAD TAJUDDIN

S.M.S, P.C.M, A.M.P

Pegawai Kewangan Negeri Selangor

20 Mac 2023



DR. SHAHRIL BIN BAHARIM

S.M.S, CA(M), FCMA, CGMA

Bendahari Negeri Selangor

20 Mac 2023

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	320,349,935.70	95,981,312.78
PELABURAN	4	2,761,820,001.86	2,707,834,427.95
		3,082,169,937.56	2,803,815,740.73
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	771,315,169.27	633,762,382.46
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	2,310,854,768.29	2,170,053,358.27
		3,082,169,937.56	2,803,815,740.73

Nota – nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

		2022	2021
	Nota	RM	RM
TERIMAAN			
Hasil	5		
Hasil Cukai		722,502,307.72	627,187,293.72
Hasil Bukan Cukai		1,543,175,999.43	1,437,023,309.32
Terimaan Bukan Hasil		<u>268,152,073.63</u>	<u>219,885,361.43</u>
		2,533,830,380.78	2,284,095,964.47
Pinjaman			
Dalam Negeri	6	0.00	4,878,243.31
Luar Negeri		<u>0.00</u>	<u>0.00</u>
		0.00	4,878,243.31
Terimaan Modal			
Pelbagai Terimaan Modal	7	22,671,789.41	22,907,092.99
Jualan Instrumen Kewangan	4	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>
		22,671,789.41	22,907,092.99
Terimaan Lain			
Terimaan Amanah	7	<u>13,775,595,626.25</u>	<u>10,518,174,667.32</u>
		13,775,595,626.25	10,518,174,667.32
Jumlah Terimaan		16,332,097,796.44	12,830,055,968.09
BAYARAN			
Perbelanjaan Mengurus	5		
Emolumen		482,741,163.26	455,519,747.59
Perkhidmatan dan Bekalan		507,260,879.35	459,162,002.50
Aset		11,829,852.76	9,079,294.72
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		361,193,717.62	189,074,392.12
Perbelanjaan Lain		<u>21,224,142.42</u>	<u>40,900,532.04</u>
		1,384,249,755.41	1,153,735,968.97
Perbelanjaan Pembangunan	7		
Langsung		1,025,612,199.21	847,886,234.02
Pinjaman		<u>0.00</u>	<u>0.00</u>
		1,025,612,199.21	847,886,234.02
Perbelanjaan Modal			
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>53,985,573.91</u>	<u>530,001,256.42</u>
		53,985,573.91	530,001,256.42
Pinjaman			
Dalam Negeri	9	6,637,082.19	6,637,082.19
Luar Negeri		<u>0.00</u>	<u>0.00</u>
		6,637,082.19	6,637,082.19
Bayaran Lain			
Bayaran Amanah	7	<u>13,637,244,562.80</u>	<u>10,463,108,121.66</u>
		13,637,244,562.80	10,463,108,121.66
Jumlah Bayaran		16,107,729,173.52	13,001,368,663.26
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai		224,368,622.92	(171,312,695.17)
Wang Tunai Pada 1 Januari		95,981,312.78	267,294,007.95
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER		320,349,935.70	95,981,312.78

Nota – nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

		2022	2021
	Nota	Anggaran RM	Sebenar RM
HASIL	5	2,050,000,000.00	2,533,830,380.78
Tolak:			
Belanja Mengurus	5	1,406,000,000.00 *	1,390,886,837.60
		644,000,000.00	1,142,943,543.18
LEBIHAN HASIL			1,123,722,913.31
Tolak:			
Belanja Pembangunan	7	1,123,000,000.00	1,025,612,199.21
		(479,000,000.00)	117,331,343.97
LEBIHAN/ (KURANGAN) KESELURUHAN			275,836,679.29
DIBIYAI OLEH :			
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	6		0.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		22,671,789.41
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	3,4,7		(140,003,133.38)
		(117,331,343.97)	(275,836,679.29)
JUMLAH PEMBIAYAAN			

*Termasuk peruntukan tambahan bagi perbelanjaan *Vot Bekalan* dan *Vot Tanggungan* berjumlah RM186.00 juta berdasarkan kelulusan *Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-5/2022* selaras dengan *Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan* dan *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 (Bab 6-Kewangan) Perkara LXXXV* dan *Warta Kerajaan No.1, Jil. 75* yang telah diluluskan pada 22 April 2022.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
MEMORANDUM ASET	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		993,048,230.24	988,260,007.71
Pelaburan		413,754,614.00	413,754,614.00
MEMORANDUM LIABILITI	9		
Hutang Awam		25,446,441.86	31,515,469.13

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Negeri Selangor, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusan niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

- iii) Mengakaun urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan dan seumpamanya.
- d) Entiti Perakaunan Kerajaan Negeri Selangor adalah termasuk semua Jabatan Kerajaan Negeri tetapi tidak termasuk Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Matawang yang digunakan dalam Penyata Kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urus niaga yang melibatkan matawang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan simpanan tetap bagi tempoh yang tidak melebihi tiga (3) bulan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas Skim Mesra Usia Emas.

Wang Tunai pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal	2022 RM	2021 RM
Wang Tunai Dalam Bank	320,227,166.56	92,258,955.49
Wang Tunai Dalam Perjalanan	45,319.14	60,907.29
Wang Tunai Dalam Tangan	77,450.00	3,661,450.00
JUMLAH WANG TUNAI	320,349,935.70	95,981,312.78

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am serta dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

Pelaburan pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

	2022 Nilai Buku		2021 Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
Perihal	RM	RM	RM	RM
Pelaburan Tabung Warisan Negeri Selangor	747,869,834.78	-	730,295,428.69	-
Pelaburan Tabung Amanah Bencana Alam	82,819,325.32	-	81,715,488.52	-
Pelaburan Tabung Amanah Warisan Anak Selangor	158,724,339.76	-	128,417,008.74	-
Saham*	-	262,406,502.00	-	262,406,502.00
Deposit Dalam Negeri	-	1,510,000,000.00	-	1,505,000,000.00
Jumlah	989,413,499.86	1,772,406,502.00	940,427,925.95	1,767,406,502.00
JUMLAH PELABURAN	2,761,820,001.86		2,707,834,427.95	

* Pelaburan saham hendaklah dibaca bersekali dengan Penyata Memorandum Pelaburan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusan niaga terimaan hasil dan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal	2022			2021	
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
BAKI PADA 1 JANUARI		633,762,382.46		383,422,759.86	
HASIL					
Hasil Cukai	635,026,905.00	722,502,307.72	113.78	627,187,293.72	93.79
Hasil Bukan Cukai	1,166,562,505.00	1,543,175,999.43	132.28	1,437,023,309.32	109.63
Terimaan Bukan Hasil	248,410,590.00	268,152,073.63	107.95	219,885,361.43	99.70
Jumlah Hasil	2,050,000,000.00	2,533,830,380.78	123.60	2,284,095,964.47	103.82
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	485,567,696.75	482,741,163.26	99.42	455,519,747.59	96.61
Perkhidmatan Dan Bekalan	514,783,382.69	507,260,879.35	98.54	459,162,002.50	94.16
Aset	12,034,689.07	11,829,852.76	98.30	9,079,294.72	93.05
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap *	372,361,576.32	367,830,799.81	98.78	195,711,474.31	96.14
Perbelanjaan Lain	21,252,655.17	21,224,142.42	99.87	40,900,532.04	86.01
Perbelanjaan Mengurus (Sebelum Pindahan)	1,406,000,000.00	1,390,886,837.60	98.93	1,160,373,051.16	95.11
Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan/ Hutan	1,105,000,000.00	1,005,390,756.37	90.99	873,383,290.71	80.27
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (Selepas Pindahan)	2,511,000,000.00	2,396,277,593.97	95.43	2,033,756,341.87	88.12
Lebih/ (Kurangan) bagi Tahun	(461,000,000.00)	137,552,786.81		250,339,622.60	
BAKI PADA 31 DISEMBER		771,315,169.27		633,762,382.46	

* Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan/Hutan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal	2022				2021	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
HASIL CUKAI						
Cukai Tanah	549,295,280.00	549,295,280.00	614,061,359.44	111.79	556,451,704.55	101.94
Cukai Parit & Taliair	16,914,625.00	16,914,625.00	22,137,559.99	130.88	26,137,563.95	156.84
Cukai Eksport Hasil Hutan	48,000,000.00	48,000,000.00	36,566,572.14	76.18	38,785,196.49	80.79
Cukai Hiburan	20,817,000.00	20,817,000.00	49,736,816.15	238.92	5,812,828.73	9.99
Jumlah Hasil Cukai	635,026,905.00	635,026,905.00	722,502,307.72	113.78	627,187,293.72	93.79
HASIL BUKAN CUKAI						
Bayaran Pendaftaran, Lesen & Permit	80,139,741.00	80,139,741.00	93,157,324.15	116.24	87,579,029.38	111.07
Perkhidmatan & Bayaran	102,110,192.00	102,110,192.00	130,681,507.64	127.98	102,872,783.25	79.50
Perolehan Dari Jualan Barang-barang	911,631,015.00	911,631,015.00	1,214,361,082.01	133.21	1,150,289,298.21	110.69
Sewaan	2,035,851.00	2,035,851.00	22,000,151.67	1,080.64	21,402,566.39	843.75
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	50,987,730.00	50,987,730.00	59,001,356.26	115.72	55,856,368.13	121.27
Denda & Hukuman	19,643,976.00	19,643,976.00	22,736,475.46	115.74	18,999,257.94	129.31
Sumbangan & Bayaran Ganti	14,000.00	14,000.00	1,238,102.24	8,843.59	24,006.02	0.00
Jumlah Hasil Bukan Cukai	1,166,562,505.00	1,166,562,505.00	1,543,175,999.43	132.28	1,437,023,309.32	109.63
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulang Balik Perbelanjaan	58,582,952.00	58,582,952.00	41,950,239.84	71.61	37,656,639.22	274.79
Terimaan daripada Agensi Kerajaan	189,820,638.00	189,820,638.00	225,990,295.13	119.05	182,135,792.93	88.05
Keuntungan Atas Jualan/ Pelupusan Aset	0.00	0.00	210,008.66	0.00	0.00	0.00
Lain-lain Terimaan	7,000.00	7,000.00	1,530.00	21.86	92,929.28	0.00
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	248,410,590.00	248,410,590.00	268,152,073.63	107.95	219,885,361.43	99.70
JUMLAH HASIL	2,050,000,000.00	2,050,000,000.00	2,533,830,380.78	123.60	2,284,095,964.47	103.82

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut Undang-Undang Negeri. Perbelanjaan ini termasuklah bayaran pencen, pampasan, ganjaran, perbelanjaan hutang dan ganti rugi atau bayaran atas perintah mahkamah. Walaupun peruntukan bagi menampung Perbelanjaan Tanggungan disertakan dalam anggaran yang dikemukakan di Dewan Negeri Selangor, ianya tidak termasuk dalam Enakmen-Enakmen Perbekalan kerana perbelanjaan tanggungan telah terdahulunya dibenarkan oleh Undang-Undang Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2022			
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	% Anggaran
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T.01 Peruntukan Diraja	26,411,612.00	26,411,612.00	25,938,666.04	98.21
T.02 Pejabat Dewan	19,418,812.00	19,418,812.00	15,067,317.08	77.59
T.03 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	522,042.00	522,042.00	452,536.34	86.69
T.04 Pelbagai	18,911,998.00	44,911,998.00	44,911,976.46	100.00
Jumlah Perbelanjaan Tanggungan	65,264,464.00	91,264,464.00	86,370,495.92	94.64
PERBELANJAAN BEKALAN				
B.01 Menteri Besar & SUK	116,514,864.00	116,514,864.00	116,065,030.98	99.61
B.02 Pelbagai Perkhidmatan	52,940,245.00	52,940,245.00	52,940,245.00	100.00
B.03 Dewan Negeri Selangor	31,660,546.00	31,660,546.00	30,532,232.65	96.44
B.04 Perbendaharaan Negeri Selangor	60,983,154.00	60,983,154.00	60,264,555.13	98.82
B.07 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	1,421,233.00	1,421,233.00	1,412,898.47	99.41
B.08 Jabatan Pertanian Negeri Selangor	21,748,473.00	21,748,473.00	21,059,891.14	96.83
B.09 Pejabat Tanah Dan Galian	26,843,758.00	26,843,758.00	26,771,366.17	99.73
B.10 Jabatan Perhutanan	25,702,890.00	25,702,890.00	24,882,640.69	96.81
B.11 Jabatan Mufti	3,697,716.00	3,697,716.00	3,686,629.48	99.70
B.12 Jabatan Kerjaraya Selangor	120,813,032.00	120,813,032.00	119,413,916.28	98.84
B.13 Jabatan Pengairan & Saliran	114,874,238.00	114,874,238.00	113,054,661.82	98.42
B.14 Jabatan Agama Islam Selangor	279,889,901.00	279,889,901.00	278,351,817.42	99.45

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut (sambungan):

Maksud Perbelanjaan	2022			
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	% Anggaran
PERBELANJAAN BEKALAN				
